

FORTTRANS

Macrogol 4000 (64.0g), Anhydrous Sodium Sulphate (5.7g), Sodium Bicarbonate (1.68g), Sodium Chloride (1.46g), Potassium Chloride (0.75g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan FORTTRANS
2. Bagaimana FORTTRANS berfungsi
3. Sebelum menggunakan FORTTRANS
4. Cara menggunakan FORTTRANS
5. Semasa menggunakan FORTTRANS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini

Apakah kegunaan FORTTRANS

Pesakit yang disediakan untuk menjalani pembersihan usus besar bagi

- penyiasatan endoskopik atau radiologi.
- pembedahan usus besar.

Bagaimana FORTTRANS berfungsi

FORTTRANS meningkatkan jumlah air dalam usus dan meningkatkan kekerapan pembuangan najis. Kandungannya akan menjadi semakin berair dan akhirnya mendorong kepada pembersihan usus besar.

Sebelum menggunakan FORTTRANS

Bila tidak boleh menggunakan

- Sekiranya anda alah kepada *macrogol 4000* atau bahan-bahan lain terkandung dalam FORTTRANS.
- Sekiranya anda mempunyai
 - kerosakan jantung yang teruk
 - penyakit umum yang teruk seperti dehidrasi
 - karsinoma (kanser yang bermula di dalam lapisan atau penutup organ) atau penyakit usus besar lain yang menyebabkan kerapuhan membran mukus yang berlebihan

- penyakit radang usus akut termasuk penyakit *Crohn* dan kolitis ulseratif (pengulseran dan keradangan usus besar)
- penembusan saluran pencernaan atau risiko mengalaminya
- kolitis toksik atau megakolon toksik (pembesaran usus besar)
- penyumbatan usus (*ileus*)
- masalah dengan pengosongan gastrik (cth: *gastroparesis*)
- FORTTRANS tidak boleh digunakan pada kanak-kanak di bawah 18 tahun.

Sebelum mula menggunakan

Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil produk ini.

Jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini. FORTTRANS hanya boleh digunakan jika betul-betul diperlukan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain.

Cirit-birit yang disebabkan oleh FORTTRANS akan mengganggu penyerapan ubat lain yang diambil serentak dan ia sepatutnya diambil lebih daripada 2 jam sebelum pengambilan FORTTRANS. Elakkan pengambilan ubat oral sebelum dan selepas pengambilan julap sehingga pemeriksaan perubatan selesai. Bagi ubat-ubatan dengan julat terapeutik yang sempit atau dengan tempoh separuh hayat yang pendek seperti *digoxin*, *antiepileptics*, *coumarins*, dan *immunosuppressants*, keberkesanannya boleh terjejas.

Cara menggunakan FORTTRANS

Berapa banyak harus digunakan

Dosnya adalah kira-kira satu liter larutan untuk 15 hingga 20 kg berat badan, iaitu sepadan dengan dos purata 3 - 4 liter. Kandungan setiap uncang perlu dilarutkan di dalam satu liter air.

Larutan yang disediakan boleh diminum pada satu masa atau dibahagikan kepada beberapa kali sehari, dengan syarat semua larutan yang disediakan perlu diambil sepenuhnya (dos purata 3 - 4 liter larutan mengikut berat badan pesakit)

Bila perlu digunakan

- Dalam dos yang dibahagikan: sama ada mengambil 2 liter pada malam sebelum prosedur dan 1 - 2 liter pada pagi prosedur, gelas terakhir perlu diambil 3 - 4 jam sebelum prosedur, ataupun, mengambil 3 liter pada malam sebelumnya dan 1 liter pada pagi prosedur, gelas terakhir perlu diambil selewat-lewatnya 3 - 4 jam sebelum prosedur.
- Dalam dos tunggal: 3 - 4 liter pada malam sebelum prosedur, mungkin dengan rehat satu jam selepas 2 liter pertama.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

FORTRANS

Macrogol 4000 (64.0g), Anhydrous Sodium Sulphate (5.7g), Sodium Bicarbonate (1.68g), Sodium Chloride (1.46g), Potassium Chloride (0.75g)

Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan FORTRANS

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut preskripsi doktor atau nasihat ahli farmasi anda.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi FORTRANS kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Bagi warga tua yang kurang sihat, FORTRANS hendaklah diambil di bawah penyeliaan perubatan.
- Ubat ini mengandungi macrogol (*polyethylene glycol*).
- Anda perlu dipantau dengan rapi jika
 - anda berisiko mengalami gangguan pada tahap garam mineral darah (gangguan elektrolit)
 - anda mengalami gangguan fungsi buah pinggang atau kegagalan jantung
 - anda mengambil ubat diuretik (pil air)
- Berhati-hati jika anda mempunyai kesukaran menelan, atau makanan dan cecair berisiko bergerak melalui laluan yang

salah seperti paru, atau anda mesti terbaring di tempat tidur, atau anda berisiko mendapat jangkitan paru-paru. Anda memerlukan pemantauan perubatan semasa mengambil ubat ini. Anda perlu mengambil ubat ini dalam keadaan duduk dan melalui tiub naso-gastrik.

- Berhati-hati jika anda mempunyai masalah jantung atau buah pinggang kerana terdapat risiko penumpukan cecair di paru-paru anda.
- Setiap uncang FORTANS mengandungi 2.89g natrium. Ini perlu diambil kira jika anda sedang mengambil diet rendah garam.
- Jika anda mengalami sakit perut secara tiba-tiba atau najis berdarah apabila mengambil FORTRANS untuk pembersihan usus besar, hubungi doktor anda atau dapatkan nasihat perubatan serta merta.

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:-

- Sangat biasa (berlaku dalam lebih daripada 1 daripada 10 pesakit): Loya, sakit perut dan dan perut kembung.
- Biasa (berlaku dalam 1 daripada 10 pesakit): Muntah
- Tidak diketahui (kekerapan tidak dapat dianggarkan dari data yang tersedia): Reaksi alergi teruk yang melibatkan pembengkakan pada muka, bibir, lidah, atau tekak, atau kesukaran bernafas (kejutan *anaphylactic*), gatal-gatal, ruam, gatal kulit (pruritus).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines*

(*AEFI*)].

Cara penyimpanan dan pelupusan FORTRANS

Penyimpanan

Jangan simpan melebihi suhu 30° C.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya doktor atau ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada bungkusan.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

FORTRANS adalah serbuk berwarna putih tanpa sebarang bau yang khusus.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: *Macrogol 4000, anhydrous sodium sulphate, sodium bicarbonate, sodium chloride, potassium chloride*

Bahan tidak aktif: *Saccharin sodium*

Nombor MAL:

MAL20021428X

Pengilang

Mayoly Industrie,
20 Rue Ethe Virton
28100,Dreux, FRANCE.

Pemegang Pendaftaran Produk

Zuellig Pharma Sdn. Bhd.
No. 15, Persiaran Pasak Bumi,
Seksyen U8, Perindustrian
Bukit Jelutong, 40150 Shah
Alam, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/09/2025

FORTRANS

Macrogol 4000 (64.0g), Anhydrous Sodium Sulphate (5.7g), Sodium Bicarbonate (1.68g), Sodium Chloride (1.46g), Potassium Chloride (0.75g)

Nombor Siri

NPRA(R2/2)251023/01562